

# Tribute kepada *Biduanita Negara*

UB 24.7.2014 B16

**P**ERTUBUHAN Orang Seni Tempatan Sabah (POST'S) bakal menganjur persembahan pentas tribute kepada Allahyarhamah Biduanita Negara Datuk Sharifah Aini sebagai mengenang sumbangan dan jasa beliau dalam industri hiburan negara.

Pengerusinya Janrywine J Lusin berkata, persembahan pentas berkenaan adalah dengan kerjasama para mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang kini sedang menjalani latihan praktikum di bawah pertubuhan berkenaan.

"Kumpulan mahasiswa dan mahasiswi daripada Sekolah Pengajian Seni

ini merupakan kumpulan yang pertama diterima oleh pertubuhan ini bagi memenuhi keperluan pengajian mereka, khususnya dalam bidang seni, dan secara kebetulan POST'S sedang dalam rangka melaksanakan beberapa projek, jadi kita libatkan mereka sekali," katanya.

Tambahnya, selain tribute itu, sebuah Teater Bangsawan turut akan dipentaskan, di mana ia mengisahkan kehidupan suku kaum tempatan di negeri Sabah yang berdasarkan cerita legenda zaman silam.

Katanya, skrip kedua-dua projek berkenaan adalah hasil nukilan ahli pertubuhan itu sendiri

yang cukup berpengalaman dalam pentas teater, teater muzikal, dan konsert baik didalam mahupun di luar negara.

"Secara ringkasnya, projek-projek pentas ini merupakan salah satu inisiatif POST'S dalam memberi pendedahan kepada ahli-ahli baru perihal aspek kesenian dengan lebih dekat dan praktikal, di mana mereka ini juga akan dibantu oleh ahli-ahli lama yang berpengalaman dalam profesion masing-masing dari segi tunjuk ajar," jelas Janrywine lagi.

Tribute Sharifah Aini dan Teater Bangsawan dijangka akan dipentaskan pada Ogos dan September ini.



**JANRYWINE** bersama kumpulan mahasiswa dan mahasiswi daripada Sekolah Pengajian Seni UMS dalam pertemuan berkenaan.